PENDAKWA RAYA

lwn.

PHUAN LEONG MING

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
TUAN KANG HWEE GEE PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-7-92]
26 SEPTEMBER 1994

UNDANG-UNDANG & PROSEDUR JENAYAH: Pertuduhan mengedar dadah - Tertuduh mengaku salah - Hukuman - Prinsip-prinsip hukuman - Hukuman penjara 12 tahun dan sebatan rotan 12 kali - Rayuan meringankan hukuman - Sama ada hukuman yang dijatuhkan berpatutan.

Tertuduh telah mengaku salah terhadap satu pertuduhan pindaan memiliki 38.33 gram dadah heroin di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama. Tertuduh telah mengemukakan rayuan meringinkan hukuman atas alasan, antara lain, bahawa beliau tidak ada sabitan terdahulu dan beliau menyesal melakukan kesalahan ini.

Diputuskan:
[1] Kepentingan awam, yang menegaskan pencegahan, sepatutnya diberi keutamaan daripada setiap pertimbangan khas tertuduh dalam kes-kes dadah di mana ia ketara, seperti dalam kes ini, bahawa pemilikan dadah tersebut bukan untuk kegunaan sendiri tetapi untuk penjualan. Akan tetapi, kepentingan awam tidak akan dilayan dengan baik jikalau tertuduh tidak diberi peluang untuk kembali ke masyarakat secepat mungkin, sebab pemenjaraannya untuk tempoh masa yang lebih daripada apa yang diperlukan akan menjadi beban kepada perbelanjaan awam.

[2] Dengan mengambil kira umur tertuduh, adalah didapati bahawa hukuman 12 tahun penjara dari tarikh penahanan dan disebat sebanyak 12 kali adalah mencukupi bagi mengimbang sama rata diantara kedua-dua aspek kepentingan awam tersebut.

[Tertuduh dihukum sewajarnya].

Perundangan yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 12(2), 39A(2), Jadual Satu

Bagi pihak pendakwa raya - Ridwan (Sapini bersamanya), TPR
Bagi pihak tertuduh - Jula Singh (Naran Singh bersamanya); T/n. Paramjit & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Kang Hwee Gee PK:
Tertuduh dalam kes ini telah mengaku salah terhadap satu pertuduhan pindaan memiliki 38.33 gram dadah heroin di bawah s. 12(2) yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Fakta kes yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya secara bertulis adalah saperti berikut:

> Pada 18 Julai 1991 ASP Wan Abdullah telah mengarahkan Konst. 116842 Lim Tian Siong untuk bertindak sebagai penyamar sulit untuk bertemu sumber dan sumber akan membawa Konst. Lim berjumpa tertuduh pada 19 Julai 1991.

Pada 19 Julai 1991, Konst. Lim telah berjumpa dengan tertuduh dan dalam pertemuan tersebut, tertuduh setuju bekalkan dadah dan memberi nombor telefon di mana dia boleh menghubunginya.

Pada 27 Julai 1991, Konst. Lim telah menghubungi tertuduh dan memesan bekalan dadah heroin. Beliau juga memaklumkan akan membawa taukehnya dan akan menghubungi tertuduh pada 28 Julai 1991 apabila sampai di Sitiawan.

Pada 28 Julai 1991 jam 5.30 petang, satu taklimat telah diadakan oleh ASP Wan Abdullah Ishak di Hotel Mahsuri, Sitiawan. Dalam taklimat tersebut Konst. Lim akan memperkenalkan Insp. Lim Chuan Hoo iaitu penyamar sulit dua sebagai taukehnya pada tertuduh. Tempat pertemuan adalah di Restoran KFC Sitiawan. Dalam taklimat tersebut juga Konst. Lim dikehendaki memberi isyarat dengan membuka jam tangannya sebagai tanda bahawa semua perancangan berjalan lancar dan isyarat kedua iaitu membuka lampu kereta sebagai isyarat tangkap. ASP Abdullah juga telah mengarahkan anggota-anggota lain mengambil kedudukan masing-masing.

Pada 28 Julai 1991 jam 7.50 malam bertempat di Restoran KFC Sitiawan, tertuduh telah datang berjumpa Konst. Lim dan Insp. Lim. Selepas perbincangan Konst. Lim buka jam tangan sebagai isyarat pada pasukan pemerhati dan seterusnya tertuduh beredar keluar. Konst. Lim dan Insp. Lim terus menaiki kereta ke Lorong Senawi, Sitiawan dibelakang Restoran KFC.

Pada jam 8.20 malam, tertuduh dengan berjalan kaki membawa satu bungkusan di tangan kiri beliau menuju ke arah Konst. Lim dan Insp. Lim yang menunggu lebih kurang 50 kaki daripada kereta penyamar sulit (Insp. Lim).

Tertuduh telah menunjukkan barang kes kepada kedua-dua penyamar sulit dan selepas penyamar sulit mengira, Konst. Lim telah ke kereta atas alasan untuk mengambil duit dan telah membuka lampu dalam kereta sebagai isyarat tangkap. Dan pihak polis telah menyerbu ke arah tertuduh. Tertuduh telah ditangkap sewaktu sedang memegang bungkusan yang berisi dadah tersebut, dan barang kes berikut di rampas oleh ASP Wan dari tangan tertuduh.

Satu beg plastik cap 'gama' dimana didalamnya menghadapi 2 plastik iaitu:

(i) Satu beg plastik cap 'Bata' didalamnya terdapat bungkusan kertas akhbar Cina (bertarikh 17 Mei 1991 dan muka surat No. 27, 28, 39, 40, 29, 30, 35, 36, 37, 38) didalamnya terdapat satu peket plastik besar berisi ketulan bewarna orange disyakki dadah heroin.

(ii) Satu beg plastik warna merah jambu didalamnya terdapat satu bungkusan kertas akhbar Cina (muka surat No. 11, 12, 45, 46) apabila diperiksa dapati mengandungi sebanyak 41 peket plastik berisi ketulan warna orange disyaki dadah heroin.

Tertuduh dan barang kes telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat iaitu ASP Azmir. Pada 28 Julai 1991 jam lebih kurang 11.15 malam di pejabat CAD Sitiawan ASP Azmir telah mengarahkan jurugambar iaitu Konst. 68261 Zainuddin mengambil 2 keping gambar barang kes dan pada malam yang sama ASP Azmir dan jurugambar telah pergi ke tempat kejadian bersama dengan pengadu ASP Wan Abdullah dan ASP Azmir mengarahkan jurugambar mengambil gambar tempat kejadian. Beliau seterusnya telah membuat rajah kasar dan kunci tempat kejadian.

Pada 9 Ogos 1991 ASP Azmir telah membawa dan menyerahkan barang kes ke Jabatan Kimia, Ipoh. Dan pada 23 Januari 1992 ASP Azmir telah menerima semula barang kes yang telah dianalisa oleh Ahli Kimia bersama dengan Lapuran Kimia.

Lapuran Kimia menunjukkan dadah tersebut adalah jenis heroin seberat 38.33 gram. Heroin adalah dadah berbahaya seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Satu Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dari siasatan lanjut pihak polis menunjukkan tertuduh memiliki dadah heroin tersebut, oleh itu tertuduh telah melakukan satu kesalahan memiliki dadah berbahaya sepertimana dalam pertuduhan.

Tertuduh telah dihukum penjara selama 12 tahun mulai daripada tarikh beliau ditahan dan disebat sebanyak 12 kali.

According to his Counsel the accused was 48 years old and had to support his aged mother of 80 years. He was divorced from his wife after 12 years of marriage. They had 3 children one of whom was 17 years of age and was still schooling. At the time of his arrest he was a pier worker earning RM600 per month. He had no previous conviction and had since regretted committing the offence.

Public interest (which stresses on deterrence) should override all other considerations peculiar to the accused in drugs cases where it is obvious as in this case that possession was not for personal consumption but for sale to others. On the other hand, public interest would not be well served if the accused is denied the opportunity of returning to society soonest, as his stay in prison for a period longer than necessary would by then become a burden on public expenditure. Taking into consideration the age of the accused, I am of the view that 12 years imprisonment together with 12 strokes of whipping was adequate to strike a balance between the two aspects of public interest aforementioned.